

NAMA	
NO. ANGKA GILIRAN	



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BETONG

**SEKTOR PEMBELAJARAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BETONG
95700 BETONG, SARAWAK**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 1 SESI AKADEMIK SPM 2026
TINGKATAN 5
PERNIAGAAN
KERTAS 1
SATU JAM LIMA BELAS MINIT**



3766/1

1 Jam 15 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

Disediakan oleh	Disemak oleh	Disahkan oleh

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN


1. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan tujuan perniagaan kepada peniaga?
- A Mewujudkan faedah kepada pihak pengguna
 - B Mengagihkan barang daripada pengeluar kepada pengguna
 - C Menjual barang dan perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan
 - D Melakukan pengeluaran barang dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan
2. Gambar 1 menunjukkan sebuah organisasi perniagaan.



Gambar 1

Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan matlamat penubuhan organisasi tersebut?

- I Memberi perlindungan dan rawatan
 - II Memaksimumkan keuntungan perniagaan
 - III Membantu golongan yang berkeperluan
 - IV Menyediakan barang dan perkhidmatan secara percuma
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
3. Rajah 1 adalah merupakan kategori dalam sektor tertier.




Rajah 1

Apakah jenis perkhidmatan yang boleh dikategorikan dalam perkhidmatan X?

- A Perkhidmatan pengangkutan
- B Perkhidmatan pendidikan
- C Perkhidmatan profesional
- D Perkhidmatan swasta

4. Rajah 2 menunjukkan perkembangan sektor perniagaan.



Rajah 2

Apakah aktiviti yang berkaitan dengan Y?

- A Penggunaan teknologi maklumat
 B Penumpuan terhadap penanaman getah
 C Penumpuan kepada sektor perkhidmatan
 D Menggalakkan rakyat menceburi sektor kedua
5. Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis pelepasan cukai yang diberikan oleh kerajaan.

- **Syarikat Catheyne Sendirian Berhad terlibat dalam pengeluaran makanan.**
- **Sebahagian besar pendapatan Syarikat digunakan untuk pembelian aset bagi meningkatkan lagi operasi perniagaan.**

Apakah jenis pelepasan cukai yang layak diterima oleh Syarikat Catheyne Sendirian Berhad?

- A Taraf perintis
 B Potongan cukai
 C Pengecualian cukai
 D Elaun pelaburan semula
6. Berikut merupakan peranan agensi kerajaan

- **Memastikan produk di pasaran menepati piawaian yang ditetapkan dan bermutu tinggi.**
- **Menjalankan kajian bagi memastikan tiada penyelewengan dari segi kualiti.**

Apakah agensi kerajaan tersebut?

- A MPOB
 B SIRIM
 C MARDI
 D TNB RESEARCH
7. Bagaimanakah kerajaan membantu peniaga memajukan perniagaan mereka?

- I Memupuk kesedaran perlindungan pengguna dalam kalangan peniaga
 II Menyedarkan peniaga tentang tanggungjawab terhadap masyarakat
 III Mengadakan latihan dan kursus dalam pengurusan perniagaan
 IV Mempromosikan keluaran tempatan di pasaran antarabangsa

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

8. Antara berikut, yang manakah merupakan langkah perniagaan untuk mengembangkan perniagaan dalam trend mendatar?

- I Meningkatkan daya saing
- II Mengeluarkan produk baharu
- III Sumber manusia kurang produktif
- IV Meningkatkan kesedaran politik negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Apakah maksud trend mendatar dalam pasaran perniagaan?

- A. Permintaan terhadap sesuatu produk semakin meningkat.
- B. Penawaran sesuatu perkhidmatan menunjukkan penurunan drastik.
- C. Keadaan pasaran tidak menunjukkan sebarang perubahan yang ketara.
- D. Keuntungan perniagaan berada pada tahap paling maksimum.

10. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri objektif perniagaan yang baik?

- A Bersifat umum dan menyeluruh
- B Boleh diukur pencapaiannya
- C Tidak mempunyai tempoh masa
- D Fokus kepada keuntungan jangka pendek sahaja

11. Antara berikut, faktor manakah yang diklasifikasikan sebagai faktor dalaman dalam analisis SWOT?

- A Sosiobudaya
- B Undang-undang
- C Sumber manusia
- D Perkembangan teknologi

12. Rajah di bawah menunjukkan trend persekitaran perniagaan.



Apakah jenis trend tersebut?

- A Trend menaik
- B Trend menurun
- C Trend mendatar
- D Trend bermusim

13. Seseorang usahawan ingin memulakan perniagaan makanan sejuk beku.

Apakah langkah pertama dalam proses pembentukan visi perniagaan tersebut?

- A Menentukan kos operasi bulanan
- B Menetapkan matlamat jangka panjang
- C Mengenal pasti pesaing utama di pasaran
- D Merangka strategi pemasaran media sosial

14. Pernyataan manakah yang menerangkan tentang aspek 'M' (Measurable) dalam konsep SMART bagi penetapan objektif perniagaan?

- A Objektif perniagaan mesti dinyatakan secara khusus.
- B Pencapaian objektif boleh diukur dalam bentuk kuantitatif.
- C Objektif yang ditetapkan mampu dicapai jika sumber mencukupi.
- D Tempoh masa yang jelas ditetapkan untuk mencapai sasaran.

15. Kerajaan telah menaikkan kadar cukai korporat bagi semua syarikat pembuatan. Apakah Kesan langsung tindakan ini terhadap persekitaran perniagaan?

- A Kos pengeluaran syarikat akan berkurang.
- B Keuntungan bersih syarikat akan menurun.
- C Kuasa beli pengguna akan meningkat secara mendadak.
- D Persaingan antara firma tempatan akan menjadi semakin sengit.

16. Mengapakah sesebuah organisasi perniagaan perlu menukar visi dan misi mereka?

- A Berlaku pertukaran kakitangan bawahan secara besar-besaran.
- B Prestasi jualan bulanan tidak mencapai sasaran jangka pendek.
- C Perubahan persekitaran ekonomi makro yang menjejaskan operasi jangka panjang.
- D Pesaing baharu menurunkan harga barangan mereka di pasaran tempatan.

17. Maklumat berikut menunjukkan suatu bahagian fungsian dalam organisasi.

Pekerja bahagian fungsian ini bertanggungjawab memastikan proses transformasi input kepada output berjalan dengan lancar serta memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pengeluaran
- B Pemasaran
- C Pengagihan
- D Pembelian



18. Apakah aplikasi teknologi maklumat yang digunakan untuk urusan perniagaan yang melibatkan pihak kerajaan, seperti kementerian dan jabatan kerajaan, supaya urusan perniagaan menjadi lebih cepat, menjimatkan kos, dan lebih telus?

A e-dagang
B e-government
C e-perbankan
D e-pemasaran

19. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan satu bahagian fungsian.

Bahagian fungsian	Peranan
S	Membantu organisasi menghasilkan produk yang berkualiti dengan kos yang efektif.

Apakah **S**?

A Bahagian Fungsian Pentadbiran
B Bahagian Fungsian Sumber Manusia
C Bahagian Fungsian Penyelidikan dan Pembangunan
D Bahagian Fungsian Teknologi Maklumat dan Komunikasi


20. Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah syarikat pembuatan.

Syarikat pembuatan Aaron menghadapi masalah produktiviti rendah kerana pekerja kurang mahir dan tidak mencapai standard kerja yang ditetapkan.

Bahagian fungsian manakah yang paling berperanan dalam menangani masalah tersebut?

A Pengeluaran
B Sumber manusia
C Teknologi maklumat
D Khidmat pelanggan

21. Maklumat di bawah berkaitan dengan elemen **R** dalam proses komunikasi.



Apakah **R**?

A Enkod
B Dekod
C Tindak balas
D Maklum balas

22. Antara yang berikut, organisasi luar yang manakah mempunyai hubungan dan interaksi dengan sesebuah organisasi?

- I Peguam
- II Pelabur
- III Kerajaan
- IV Pembekal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23. Antara berikut, yang manakah menunjukkan kebajikan pekerja dijaga?

- A Meningkatkan harga produk
- B Mengurangkan waktu operasi
- C Menyediakan kemudahan perubatan
- D Merekrut lebih ramai pekerja tambahan

24. Apakah tujuan utama penghargaan dan hukuman dalam pengurusan sumber manusia?

- A Memastikan prestasi pekerja sentiasa dinilai dari semasa ke semasa
- B Memastikan pekerja sentiasa mengutamakan visi dan misi organisasi
- C Mengalakkan pekerja untuk memahami tanggungjawab terhadap tugas
- D Mengalakkan pekerja untuk meningkatkan prestasi kerja dan lebih berdisiplin

25. Antara berikut, yang manakah merupakan sumber fizikal dalam sesebuah perniagaan ?

- I Mesin
- II Bangunan
- III Hak cipta
- IV Paten

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26.

Sebuah kilang makanan melakukan pemeriksaan berkala terhadap mesin pemprosesan bagi memastikan operasi berjalan lancar.

Apakah prosedur pengurusan sumber fizikal yang dilakukan oleh kilang tersebut?

- A Perlindungan paten
- B Pendaftaran hak cipta
- C Penyelenggaraan
- D Penjenamaan produk



27. Antara berikut, yang manakah merupakan sumber teknologi dalam sesebuah perniagaan ?

- I Lesen perisian
- II Hak cipta
- III Kenderaan penghantaran
- IV Mesin pengeluaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28.

Sebuah pasar raya menggunakan sistem kod bar dan mesin pengimbas harga. Pada masa yang sama, pasar raya tersebut memastikan stok barang disusun dengan teratur dan diperiksa secara berkala.

Apakah kesan gabungan pengurusan sumber fizikal dan teknologi tersebut ?

- A Kos perniagaan meningkat tanpa kawalan
- B Operasi perniagaan menjadi lebih cekap
- C Pekerja tidak perlu menjalankan tugas harian
- D Perniagaan tidak lagi memerlukan pelanggan

29. Antara berikut, yang manakah merupakan sumber pembiayaan dalaman perniagaan ?

- I Simpanan pemilik
- II Untung tertahan
- III Pinjaman bank
- IV Overdraft

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Maklumat berikut berkaitan dengan keperluan pembiayaan sebuah perniagaan.

Puan Salmah ingin membuka kedai kek. Beliau memerlukan wang untuk membeli ketuhar, peti sejuk dan bahan mentah.

Apakah keperluan pembiayaan yang paling tepat bagi situasi tersebut ?

- A Membayar dividen kepada pemegang saham
- B Menutup semua cawangan perniagaan
- C Membeli aset dan modal pusingan
- D Mengurangkan jumlah pelanggan

31. Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan menggunakan pembiayaan dalaman?

- I Tidak perlu membayar faedah
 - II Tidak perlu membuat pinjaman daripada pihak luar
 - III Jumlah pembiayaan sentiasa besar
 - IV Mudah mendapat kelulusan bank
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

32.

Syarikat Rasa Manis Enterprise ingin membeli sebuah van penghantaran untuk mengembangkan perkhidmatan penghantaran kek. Syarikat tersebut tidak mampu membayar harga penuh secara tunai.

Apakah sumber pembiayaan paling sesuai untuk syarikat tersebut ?

- A Jualan tunai harian
- B Simpanan peribadi
- C Untung tertahan
- D Sewa beli

33. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Syarikat Budin Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

	RM
Jualan	40,500
Belian	30,000
Insurans atas belian	1,505
Sewa diterima	2,400
Gaji	2,500

Berapakah nilai untung bersih?

- A RM 11,395
- B RM 10,500
- C RM 8,995
- D RM 8,895

34. Dokumen berikut merupakan format penyata aliran tunai.

Kedai Elektrik Rahman
Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2019

Butiran	Jan	Feb	Mac
Baki b/b			
<u>Terimaan</u> F			
<u>Bayaran</u> G			

Apakah contoh item bagi F dan G?

	F	G
A	Modal	Iklan
B	Gaji	Komisen diterima
C	Jualan Tunai	Modal
D	Belian Tunai	Belanja Utiliti

35. Pernyataan manakah yang menerangkan kos tetap?

- A Kos bahan mentah adalah kos tetap
- B Kos yang berkadar dengan tingkat keluaran
- C Kos yang tidak berubah dalam jangka panjang
- D Kos yang malar walaupun tingkat pengeluaran sifar

36. Antara yang berikut, yang manakah kepentingan penyata kewangan kepada pihak – pihak tertentu dalam perniagaan

	Pihak Berkepentingan	Kepentingan
I	Pengurusan	Menentukan jumlah dividen yang perlu dibayar kepada pemegang saham
II	Pelabur	Membuat keputusan untuk melabur atau melepaskan pegangan ke atas saham syarikat
III	Pembiaya	Panduan bagi menyusun strategi perniagaan seterusnya
IV	Pekerja	Asas kepada tuntutan untuk mendapatkan royalty

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37. Pernyataan berikut berkaitan dengan seorang usahawan, Osman.

Osman merupakan usahawan yang dapat mereka cipta suatu keluaran baharu.

Ciri yang manakah berkaitan dengan keperibadian Osman?

- A Tabah
- B Kreatif
- C Inovatif
- D Pandai mengambil peluang

38. Apakah peranan usahawan kepada masyarakat?.

- A Meningkatkan nilai sumber
- B Mewujudkan Kerjasama serantau
- C Menyediakan pelbagai jenis barang
- D Mempercepatkan proses pembangunan ekonomi

39. Situasi yang manakah menggambarkan stok bergerak pantas?

- A Kedai Perabot Yap menerima tempahan 50 set meja makan
- B Datin Rafidah membeli barang kemas mengikut trend terkini
- C Pak Kulop menjual 30 ekor ayam di pasar tani setiap hari.
- D Encik Prabu menjual lima buah kereta dalam sebulan

40. Mengapakah sesuatu pemilihan lokasi yang sesuai amat penting kepada seorang usahawan?

- A Memudahkan promosi
- B Meminimumkan kos sewa
- C Dapat memperkenalkan produk
- D Dapat memaksimumkan jualan dan untung

KERTAS SOALAN TAMAT

